



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**  
**(Human Resources Development Council)**  
**TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA**  
**OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA**  
**50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

---

**PEKELILING MAJIKAN BIL. 8/96**  
**LATIHAN SEMULA DAN PENINGKATAN KEMAHIRAN KEPADA PESARA-PESARA**  
**SEKTOR AWAM DAN SWASTA YANG TELAH DILANTIK SEMULA SEBAGAI**  
**PEKERJA OLEH SESUATU MAJIKAN**

### **1. TUJUAN**

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan bahawa majikan yang melantik pesara-pesara sektor awam dan sektor swasta dan kemudian melatih semula dan meningkatkan kemahiran mereka adalah layak mendapat bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia pada kadar 100% daripada kos latihan yang dibenarkan.

### **2. LATARBELAKANG**

- 2.1 Negara ini sedang mengalami kekurangan tenaga pekerja dan dengan pengambilan semula pesara sektor awam dan swasta akan dapat membantu mengatasi masalah ini. Oleh kerana pekerja-pekerja dari kalangan pesara-pesara ini memerlukan latihan semula dan ditingkatkan kemahiran dan pengetahuan supaya dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna, Majlis membuat keputusan bahawa kos yang terlibat bagi melatih mereka layak mendapat bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.
- 2.2 Pesara-pesara sektor awam yang dimaksudkan di bawah Pekeling ini adalah termasuk pesara tentera dan polis. Manakala pesara sektor swasta adalah pekerja-pekerja yang telah berhenti kerja pada umur 55 tahun. Bagi golongan ini, bukti mengambil semula mereka hendaklah disertakan bersama dengan permohonan geran latihan.

### **3. KADAR BANTUAN KEWANGAN**

- 3.1 Kadar bantuan kewangan bagi latihan semula dan peningkatan kemahiran pesara-pesara yang telah dilantik sebagai pekerja adalah 100% daripada kos latihan yang dibenarkan. Kos latihan yang dibenarkan adalah sama dengan kos yang dibenarkan bagi skim-skim latihan lain yang telah dilaksanakan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.
- 3.2 Selain daripada pembelian peralatan di perenggan 3.1, majikan juga boleh menuntut bayaran balik perbelanjaan untuk mengadakan, mengubahsuai atau meningkatkan keupayaan bilik latihan mereka. Penyediaan bilik-bilik latihan adalah tidak termasuk pembinaan bangunan, pusat latihan atau apa-apa bayaran sewaan bilik latihan.

### **4. PROSEDUR PERMOHONAN**

3.3 Permohonan geran latihan di bawah Skim Bantuan Latihan dan Pelan Latihan Tahunan, prosedur yang digunakan dibawah skim-skim berkenaan adalah terpakai dan majikan perlu mengemukakan bukti bahawa pekerja-pekerja yang dilatih itu adalah pesara-pesara. Bagi skim-skim latihan lain seperti PROLUS dan PERLA borang tuntutan yang digunakan bagi skim-skim berkenaan hendaklah digunakan dan disertakan bukti (surat perlantikan semula) bahawa mereka adalah pesara.

## 5. PENUTUP

5.1 Kemudahan yang disediakan ini adalah sebagai menggalakan majikan- majikan melantik semula pesara sektor awam dan swasta sebagai salah satu langkah untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di negara ini. Latihan semula kepada pesara-pesara ini adalah untuk membolehkan kepakaran mereka dapat disesuaikan dengan keperluan majikan.

5.2 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh 16 November 1996

Terima Kasih.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya Yang Menurut Perintah.

(RUSNAN BIN SAMAT)  
Pengarah Bahagian Geran Latihan,  
b.p Ketua Pengarah  
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

